

PM yakin potensi bioteknologi

Daripada Syed Nazri Syed Harun

SAN FRANCISCO: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin bidang bioteknologi mempunyai potensi besar untuk berkembang di Malaysia dengan sokongan syarikat besar dunia dalam industri itu.

Perdana Menteri yang mengadakan pertemuan dengan sekumpulan peneraju industri itu dalam lawatan peribadinya ke sini semalam berkata, mereka menunjukkan minat mendalam untuk melabur di Malaysia.

"Beberapa syarikat terbabit sudah pun mengadakan jalinan dan mempunyai rangkaian

10/06/04 RM Mei
dengan beberapa rakan kongsi di Malaysia, manakala lainnya bakal melakukan perkara sama sedikit masa lagi," katanya kepada wartawan Malaysia selepas pertemuan itu.

Malaysia guna API kesan individu disyaki penganas - Muka 2

Pertemuan itu adalah sebahagian daripada atur cara yang disusun untuk Perdana Menteri sempena lawatannya ke persidangan dan Pameran Antarabangsa Biotech 2004, di sini.

Antara 15 tokoh yang ditemuinya dalam satu jamuan tengah hari di sini ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pusat

Sains Kesihatan Hudson, Dr Mark Ahn; Presiden dan CEO Aqua Bounty Technologies Inc, Elliot Entis; Naib Presiden Eksekutif Monsanto, Dr Robert Fraley; Presiden dan CEO Inhibitex, Dr William Johnston; Ketua Institut Strategik Novartis, Jeremy Levin; Naib Pengerusi Inc Cargill, David Raisbeck; Pengarah Urusan Perkongsian, Burill and Co Dr Roger Wyse; Presiden Chiron BioPharmaceutical; Craig Wheeler.

Persidangan bioteknologi dunia itu disertai 17,000 peserta. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Jamaludin Jarjis mengetuai

LIHAT MUKA 2 ►

Abdullah 'jual' Malaysia

> DARI MUKA 1

40 perwakilan Malaysia ke acara empat hari itu.

Perdana Menteri berkata, beliau mengambil peluang itu menjual Malaysia sebagai tempat menarik memperkembangkan perniagaan masing-masing termasuk membina kemudahan kemudahan penyelidikan dan pembangunan.

Katanya, kebanyakan tokoh menunjukkan minat yang besar untuk melebarkan sayap syarikat masing-masing khususnya untuk melabur di Malaysia.

Abdullah juga menjelaskan kepada mereka bioteknologi mempunyai potensi yang besar di Malaysia dan berupaya menjadi pemangkin dalam membentuk bidang pertumbuhan baru dalam ekonomi Malaysia.

Beliau berkata, pertumbuhan pesat dalam bidang bioteknologi mampu mempelbagaikan lagi bidang ekonomi di Malaysia.

"Bioteknologi amat berguna dalam banyak bidang seperti pertanian, penternakan, industri herba, perubatan moden dan tradisional serta berpotensi dalam industri farmaseutikal yang tidak terhad," katanya.

Terdahulu, Abdullah menghabiskan masa lebih dua jam melawat gerai sempena pameran itu dan kelihatan begitu tertarik dengan pelbagai produk bioteknologi yang dihasilkan.